

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 5 / 10 / 2010

## Kenyataan Azmin tidak cerminkan akhlak yang baik – Muhyiddin

UM-5/10/2010

KOTA KINABALU 4 Okt. – Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tindakan calon Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Azmin Ali yang menggambarkan Tun Dr. Mahathir Mohamad ‘tersungkur’ sebagai tidak wajar dan tidak mencerminkan nilai akhlak yang baik sebagai seorang pemimpin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kenyataan Azmin terhadap bekas Perdana Menteri itu juga menunjukkan kepimpinan PKR mengetepikan nilai kemanusiaan dan amat bercanggah dengan adab sopan rakyat negara ini.

“Kenyataan itu sebenarnya bercanggah dan tidak seharusnya timbul kerana kita patut menghormati (bekas Perdana Menteri), tak tahulah kalau itulah nilai kepimpinan PKR yang tak mahu beri penghormatan.

“(Tindakan mereka) hanya untuk kepentingan politik sahaja., kalau dilihat (dari) sudut politik, (mereka) boleh menghalalkan segala-galanya.

“Tetapi kita sebagai manusia, ada nilai, ada akhlak, ada moral dan ada penghormatan serta penilaian sewajarnya diberikan kepada seorang negarawan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada si-

dang akhbar selepas merasmikan Persidangan Pelancongan Sedunia di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman; Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen; Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Masisi Manjun dan Setiausaha Agung Pertubuhan Pelancongan Sedunia Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO), Talib Rifai.

Semalam ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PKR Cabang Gombak, Azmin menyifatkan Dr. Mahathir yang sedang me-

nerima rawatan di Melbourne, Australia sebagai pemimpin yang sedang ‘tersungkur’ di negara itu.

Beliau yang juga Naib Presiden PKR berkata, beliau memberi sindiran itu kerana kedegilan bekas Perdana Menteri yang bersekongkol dengan Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) yang didakwa memperjuangkan agenda perkaurman sempit.

Sementara itu, menurut Muhyiddin, sebagai negarawan ulung yang banyak berjasa kepada negara, semua pihak harus menghormati bekas Perdana Menteri itu.

Malah katanya, semua pihak juga seharusnya sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kesihatan Dr. Mahathir.

“Tun Mahathir adalah seorang negarawan ulung yang sudah banyak berjasa kepada negara, apa pun pandangan beliau mengenai pelbagai perkara, kita sebagai rakyat mesti memberi penghormatan.

“Kita seluruh rakyat Malaysia mendoakan supaya beliau cepat sembuh dan dapat balik semula bagi beri khidmat kepada negara dalam kapasitinya sebagai bekas Perdana Menteri,” ujarnya.